

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN PAMERAN 'PEMUZIK LIMUNAN' (INVISIBLE MUSICIANS)
Lokasi : GALERI PETRONAS
Tarikh : 17-03-1999

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana menjemput saya pada hari ini untuk merasmikan pameran Pemuzik Limunan ini. Saya berasa gembira dan penuh minat setelah menerima jemputan daripada Yang Terutama Duta Belgium ke Malaysia, Encik Eric Duchene, untuk merasmikan pameran di Galeri Petronas. Saya yakin pameran Pemuzik Limunan atau Invisible Musicians iaitu satu pameran alat-alat muzik mekanikal dari Eropah dan Amerika, akan memberi satu peluang istimewa untuk rakyat di Malaysia mengetahui dengan lebih dekat lagi alat-alat muzik yang popular dari luar negara.

2. Saya difahamkan bahawa inilah kali pertama pameran unik dan istimewa seperti ini diadakan di Malaysia.

3. Saya ucapkan syabas kepada Galeri Petronas sebagai tuan rumah yang telah berusaha dengan begitu teliti untuk menganjurkan pameran ini. Saya ucapkan tahniah juga kepada semua pihak yang terlibat. Bukan sahaja pameran seperti ini memberi peluang kepada masyarakat Malaysia untuk menghayati dan menikmati keistimewaan dan kesenian yang terdapat pada alat-alat muzik yang dipamerkan, ianya juga membuktikan bahawa persembahan besar-besaran, samada dari dalam atau luar negara, seperti pameran ini, wajar serta upaya diselenggarakan di Malaysia. Bersama dengan acara-acara besar lain yang sudah diadakan di Malaysia akhir-akhir ini, seperti Sukan Komanwel Kuala Lumpur '98, Le Tour de Langkawi, dan persembahan-persembahan di Dewan Filharmonik PETRONAS, dan acara-acara yang akan datang, seperti perlumbaan 'Formula One' di Sepang pada bulan Oktober depan, pameran-pameran di Galeri Petronas seperti Pemuzik Limunan ini, serta pameran dan persembahan di Balai Seni Lukis Negara dan Panggung Negara yang baru, boleh membuktikan keupayaan Malaysia untuk menyertai secara aktif dalam proses dinamik interaksi budaya pada peringkat antarabangsa. Dan dengan itu, sekaligus aktif dalam proses berterusan pembentukan budaya manusia sejagat.

4. If we want to be involved in transforming the cultures of mankind, it is pertinent for us to understand the history and evolution of cultures of other communities, including cultural development in the past. This is where the 'Invisible Musicians' exhibition will provide us with a better insight into foreign and ancient Western cultures.

5. Exhibitions such as this will remind us the value and use of artifacts produced by communities in the olden days. Apart from contributing towards the formation of our cultural identity, the preservation and rehabilitation of our heritage is necessary to create awareness and understanding of the history and roots of our culture and way of life. It should assist us in our efforts to create a happy lifestyle as well as to help nurture a culture we can be proud of. The beauty which exists in the lifestyle of the past can be used to improve our present lifestyle. Art and culture are the essence of life which makes living complete and fulfilling.

6. I will end my speech with an excerpt from Charles Darwin's autobiography, which reads as follows: I quote: "If I have to live my life over again, I would have made a rule to read some poetry and to listen to some music at least once a week. For perhaps the parts of my brain now atrophied would thus have been kept active through use. The loss of these tastes is a loss of happiness and may possibly be injurious to the intellect and more probably to the moral character by enfeebling the emotional parts of our nature." unquote

7. Dengan ini saya dengan sukacita merasmikan pameran Pemuzik Limunan ataupun "Invisible Musicians".